

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

(a) apakah nasib penjawat awam di dalam Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) apabila ia ditukar kepada APAD ; dan

(b) apakah bentuk pembangunan sektor pengangkutan awam darat yang telah dirangka atau dirancang oleh Kementerian sejurus Agensi ini dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah merupakan satu entiti berstatus **Badan Berkanun Persekutuan Diasingkan Saraan (BBDS)** yang tidak dibebaskan sepenuhnya. Agensi dengan saraan diasingkan tetapi tidak dibebaskan bermaksud agensi ini masih lagi tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat dalam menentukan urusan butiran perjawatan dan skim perkhidmatan. Dalam hubungan ini, SPAD telah dibekalkan dengan skim perkhidmatan sendiri yang mempunyai tangga gaji yang berbeza daripada lain-lain skim perkhidmatan yang sedang diguna pakai dalam perkhidmatan Kerajaan. SPAD juga telah dibekalkan dengan 802 perjawatan menerusi Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bilangan 8 Tahun 2013.
2. Berdasarkan statusnya sebagai BBDS, SPAD telah menguruskan sendiri segala urusan perkhidmatannya seperti urusan pelantikan, penempatan dan kenaikan pangkat berdasarkan kepada Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010. SPAD hanya merujuk kepada agensi pusat sekiranya bercadang untuk meminda, mewujudkan baharu atau membatalkan sebarang butiran perjawatan dalam SKP yang telah diluluskan. Berdasarkan data kakitangan sehingga Julai 2018, terdapat sebanyak 367 kakitangan yang dilantik secara tetap dan 42 secara kontrak berdasarkan kepada 802 perjawatan yang diluluskan.
3. SPAD juga telah menubuhkan **satu anak syarikat** iaitu **SPADPro Berhad** di bawah Akta Syarikat 1965 berperanan membekalkan keperluan perjawatan dan sumber manusia kepada SPAD tanpa terikat kepada sebarang peraturan perkhidmatan dan perjawatan Kerajaan. Melalui SPADPro Berhad, SPAD bebas menetapkan syarat-syarat pelantikan dan perkhidmatan sendiri seperti tawaran gaji yang lebih tinggi dan kaedah kenaikan pangkat yang berbeza daripada perkhidmatan Kerajaan. Berdasarkan data perjawatan sehingga Julai 2018, terdapat sebanyak 590 kakitangan telah

dilantik oleh SPADPro Berhad dan telah ditempatkan untuk bertugas di SPAD. Semua kakitangan yang dilantik oleh SPADPro Berhad adalah berstatus lantikan swasta (bukan lantikan Kerajaan) sama seperti mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Keseluruhan kakitangan SPAD, samada yang dilantik oleh SPAD ataupun SPADPro adalah berjumlah 999 orang.

4. Berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan antaranya di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Kerja 1955, Akta Pencen 1980 dan Akta Badan berkanun 1960, semua kakitangan lantikan SPAD dan SPADPro Berhad akan ditamatkan perkhidmatan. Penamatan perkhidmatan kakitangan ini akan melibatkan pembayaran pampasan dan faedah penamatan sekiranya berkaitan dan berkelayakan. Pertukaran pelantikan terus kakitangan SPAD ke Perkhidmatan Awam tidak dapat dilaksanakan memandangkan kaedah pertukaran pelantikan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2016 tidak terpakai kepada SPAD yang berstatus BBDS, serta SPADPro Berhad yang berstatus syarikat dan mempunyai pihak berkuasa melantik yang tersendiri.
5. Namun begitu, atas dasar keperihatinan, Kerajaan telah bersetuju supaya semua penyandang lantikan tetap dan lantikan kontrak di bawah SPAD (lantikan berdasarkan SKP) serta penyandang lantikan tetap dan lantikan kontrak di bawah SPADPro Berhad yang dikenal pasti **melaksanakan fungsi teras berkaitan pembangunan pengangkutan awam darat serta melaksanakan fungsi yang memerlukan kompetensi dan kepakaran dalam bidang profesional teknikal ditawarkan** untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam berdasarkan kepada **perjawatan** yang akan diwujudkan di bawah Kementerian Pengangkutan, APAD dan JPJ. **Penawaran ini adalah tertakluk kepada penyandang-penyandang berkenaan memenuhi semua syarat pelantikan berdasarkan kepada skim perkhidmatan terlibat.**
6. Kerajaan juga telah memutuskan supaya penubuhan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang akan mengambil alih sebahagian fungsi SPAD akan berkuatkuasa secara rasminya

NO. SOALAN: 20

mulai 1 Januari 2019. Bagi memastikan kesinambungan dan mengelakkan sebarang gangguan ke atas penyediaan perkhidmatan, mana-mana kakitangan SPAD/SPADPro Berhad yang dikenalpasti melaksanakan fungsi teras berkaitan pembangunan pengangkutan awam darat serta melaksanakan fungsi yang memerlukan kompetensi dan kepakaran dalam bidang profesional teknikal akan **ditawarkan pelantikan secara kontrak** terlebih dahulu. Langkah ini juga bagi memberi masa kepada pihak Kementerian Pengangkutan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan suruhanjaya pelantikan perkhidmatan yang berkaitan untuk menguruskan urusan saringan dan proses tawaran pelantikan kepada mana-mana calon yang berkaitan.

Yang di-Pertua,

7. Kerajaan menerusi Kementerian Pengangkutan (MOT) amat memberi penekanan ke atas aspek perancangan dan pembangunan sektor pengangkutan awam darat dalam negara ini. Secara ringkasnya, dalam tempoh masa pendek, Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha-usaha untuk menaikkan tahap trip atau *ridership* dengan izin, penumpang yang menggunakan perkhidmatan awam terutamanya dalam kawasan bandar-bandar. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan merangka langkah-langkah untuk meningkatkan tawaran, liputan dan kecekapan sistem pengangkutan awam negara ini bagi menarik orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

8. Sebagai permulaan, seperti janji Kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan telah pun mempertimbangkan cadangan untuk memperkenalkan Pas Bulanan Pengangkutan Awam dengan kos tetap RM100 kepada para pengguna bas dan rel di Lembah Klang. Dengan memperkenalkan pas ini, orang ramai diberi insentif yang kuat untuk menggunakan semua perkhidmatan pengangkutan awam rel bandar Sistem Aliran Ringan (LRT) (laluhan Kelana Jaya dan laluhan Ampang), MRT, Monorel, BRT Sunway, perkhidmatan Rapid Bus Sdn. Bhd. (*Rapid Bus*) di Lembah Klang dan bas pengantara MRT di bawah pengurusan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sebagai mod pengangkutan utama dalam kehidupan harian, khususnya untuk tujuan ulang alik dari rumah ke tempat bekerja. Apabila dilaksanakan, inisiatif ini dapat meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40 di kawasan bandar. Selain itu, kos bulanan serendah RM100 dapat menarik lebih ramai pengguna untuk beralih kepada menggunakan pengangkutan awam seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap kualiti hidup masyarakat negara ini. Pelaksanaan pas bulanan RM100 ini sekarang dalam peringkat akhir persiapannya dan butiran pelaksanaan akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

9. Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji dan merangka kaedah pelaksanaan untuk menambah sekurang-kurangnya 10,000 buah bas bagi tujuan pengangkutan awam seluruh negara. Pelaksanaan ini akan disekalikan dengan langkah-langkah jangka pendek lain untuk menjadikan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya bas menjadi lebih menarik dan efektif daripada mod pengangkutan persendirian.
10. Sebagai contoh, Kerajaan juga akan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi lorong-lorong khas untuk pengangkutan bas supaya pengangkutan bas tidak lagi perlu bersaing dengan pengangkutan mod peribadi. Disamping itu, Kerajaan juga akan mengkaji untuk menyediakan sistem pengangkutan **Bus Rapid Transit** yang akan menghubungkan bandar-bandar utama dan bandar-bandar kecil dalam negara ini. Kerajaan juga akan meningkatkan usaha untuk menambahbaik aspek mobiliti dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam di peringkat **“first and last mile connectivity”** seperti menyediakan kemudahan *feeder* bus ke stesen-stesen BRT, menyediakan laluan-laluan pejalan kaki yang mesra pengguna dan menyediakan akses kepada pengguna yang kurang upaya untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Pendekatan **“first and last mile connectivity”** dan penyediaan perkhidmatan **Bus Rapid Transit** yang menghubungkan bandar-bandar utama dengan pekan-pekan kecil dijangka akan berupaya menarik minat orang ramai untuk beralih daripada mod pengangkutan persendirian kepada mod pengangkutan awam.
11. Di samping itu, keperluan pengangkutan awam untuk penduduk diluar bandar juga tidak akan dilupakan. Kerajaan akan mengkaji langkah-langkah baharu untuk menyediakan sistem perkhidmatan pengangkutan awam di luar bandar seperti menyediakan perkhidmatan pengangkutan *on demand* dan sebagainya.
12. Dalam jangka masa sederhana/panjang, Kementerian Pengangkutan akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga agensi-agensi Kerajaan Negeri untuk

memastikan sebarang perancangan pembangunan dan penggunaan tanah di peringkat negara dan negeri akan disekalikan atau diintegrasikan dengan pelan perancangan dan pembangunan sistem pengangkutan awam. Dalam hal ini, konsep seperti *Transport Oriented Development* dan *Integrated Land Use and Transport Planning* akan diberi keutamaan dalam perancangan pembangunan negara. Kerajaan juga akan memastikan perancangan berterusan dilaksanakan untuk mengkaji tahap *demand* dan *travel behaviour* orang ramai supaya satu sistem atau mod pengangkutan awam darat yang bersesuaian, menyeluruh, berkesan, memenuhi kehendak pelanggan serta kos efektif dapat disediakan dalam negara ini.

13. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, semua ringkasan perancangan yang saya nyatakan tadi telah dimasukkan di dalam dokumen draf Dasar Pengangkutan Negara atau *National Transportation Policy* yang sedang dalam peringkat akhir penyediaannya oleh Kementerian Pengangkutan. Dokumen ini dijangka akan dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri sebelum akhir tahun 2018 dan dijangka dapat dizahirkan dalam awal tahun 2019.